

---

## Akidah Warisan Nabi Dalam Pembangunan Ummah

---

Abdulhadee Sabuding<sup>1</sup>

### Abstrak

Nabi Muhammad diutuskan oleh Allah untuk menyeru ummah Arab Makkah khususnya dan manusia seluruh alam supaya mengabdikan diri kepada Allah, menegak khilifah di bumi ini dan membawa kemakmuran di atas muka bumi. Demikian juga mendatangkan keadilan dalam masyarakat, membawa kebahagian di dunia dan akhirat, di samping menolak dari kesyirikan berdasarkan wahyu dari Allah.

Kajian ini bertujuan untuk mendedahkan kaedah-kaedah akidah yang sahih yang diamalkan oleh nabi dan para sahabah dalam membina ummah di antara lain; dasar hidup masyarakat, mengikut manhaj ahlus Sunnah wal Jamaah, berpandukan al-Quran dan al-Hadith, berpandukan bahasa Arab dan amalan para Sahabah al-Salaf al-Solih. Data-data dikumpulkan melalui dekumentari dan analisis data dengan menggunakan pendekatan deskriptif.

**Kata Kunci:** Akidah, Ahli *as-Sunnah wa al-Jamaah*

---

<sup>1</sup> Ph.D. (Pengajar Islam) Pensyarah Jabatan Pengajian Islam, Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University (PSU). Kampus Pattani, Thailand.

---

---

## The Propher's Aqidah Legacy in Building Ummah

---

---

Abdulhadee Sabuding<sup>1</sup>

### Abstract

Allah appointed Prophet Muhammad (Peace be Upon him) to call the Meccan Arabs and the mankind to obey and worship Him. He also appointed his vicegerents (*Khulafa'*) to bring about prosperity on earth, bring justice to human beings and dignity to human life in the world and hereafter based on divine revelation.

The objectives of this article are to examine the righteous *aqidah* principles practiced by the Prophet and his companions in building the Ummah among others, being the founder of society, abided by Ahli *as-Sunnah wa al-Jamaah* for practicing al-Qur'ān, al-Hadith, and reviving Arabic language. These practices were undertaken by the early righteous *sahabahs* (companions). The data used in this article were collected from relevant documents, and descriptively analysed.

**Keywords:** *Aqidah Principles, Ahli as-Sunnah wa al-Jamaah*

---

<sup>1</sup> Ph.D. (Islamic Studies) Lecturer, College of Islamic Studie, Prince of Songkla University Pattani Campus

## Pendahuluan

Akidah merupakan suatu ikatan seseorang yang tidak boleh dinafikan di mana pada awal-awal Islam Rasūl menyeru umat manusia kepada akidah di Makkah selama 13 tahun untuk memperbetulkan akidah. Namun akidah Nabi pada masa itu mengikut al-Qur'an, seterusnya baginda dapat memperbetul akidah sahābah dan sahābah pula dapat memperbetul akidah tābi'iin dan seterusnya. Pada penghujung zaman sahābah mula berlaku penyelewengan dari segi akidah yang lurus apabila munculnya golongan Syī'ah yang menyokong Alī bin Abī Tālib<sup>1</sup> melebihi daripada sahābah-sahābah yang lain tentang Khilifah di samping mendewadewakan Alī bin Abī Tālib sebagai sahābah yang mulia mereka mencela Khalīfah yang lain dan golongan Khawārij yang tidak berpuas hati dengan keputusan majlis tahlkim di antara Alī bin Abī Tālib dengan Mu'āwiyah bin Abū Sufyān<sup>2</sup> pada tahun 37 hijrah (al-Lālakā'i, 1994: 1/32-33).

Abū Hurairah<sup>3</sup> menjelaskan bahawa Rasūlullāh bersada:

وَإِنْ بَنَى إِسْرَائِيلُ تَقْرَبَتْ عَلَىٰ شَتَّىِ  
وَسَبْعِينَ مِلَّةً وَتَقْرَبَتْ أُمَّتِي عَلَىٰ ثَلَاثَ وَسَبْعِينَ مِلَّةً كُلُّهُمْ

فِي النَّارِ إِلَّا مِلَّةً وَاحِدَةً قَالُوا وَمَنْ هُنَّ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ  
مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْخَابِي (al-Tirmidzi)

Maksudnya: Dan sesungguhnya *Banī Isrā'il* berpecah kepada 72 golongan. Umat aku akan berpecah kepada 73 golongan semuanya masuk neraka kecuali satu golongan sahaja, sahābah menanya siapakah mereka itu wahai Rasūlullāh? Baginda menjawab iaitu perkara yang aku dan sahābahku berjalan di atasnya (al-Tirmidzi, 1987: 4/ 292 no. 2650).<sup>4</sup>

Ternyata jelas bahawa golongan yang diiktiraf oleh Rasūlullāh adalah satu sahaja, iaitu perjalanan Rasūlullāh dan sahābah dalam semua bidang manakala perjalanan golongan yang lain daripada itu tidak diiktiraf oleh Rasūlullāh. Golongan yang dapat membangunkan ummah yang sebenar adalah satu golongan sahaja sebagai golongan yang dijamin oleh Rasūlullāh. Di antara lain golongan beritiqad dengan akidah sahihah. Kerana golongan tersebut itu amat yakin dengan akidah sahihah di samping beberapa faktor di antara lain yang paling penting iaitu.

## 1. Dasar hidup masyarakat

Akidah merupakan asas dakwah para nabi sejak dari nabi Adam sehingga pada zaman nabi Muhammad. Akidah para nabi adalah sama iaitu menyeru kepada menyembah Allāh dan akidah ini tidak pernah dinasakhkan.<sup>5</sup> Terutama pada zaman nabi Muhammad yang memfokuskan pada akidah sebagai permulaan dakwah Baginda. Bukti

<sup>1</sup> 'Alī bin Abī Tālib bin 'Abd al-Muttalib, *al-Qurashiyy*, *al-Hāsyimiyy*, *Abū Hasan*. Beliau adalah salah seorang sahābah yang awal-awal memeluk Islām dan *al-Khulafā' al-Rāsyidīn* yang ke empat, meninggal dunia pada tahun 40 H. (Ibn Hajar, 1995: 5/697 no. 4898, Muhammad Husain, t.t.: 88)

<sup>2</sup> Mu'āwiyah bin Abū Sufyān, *Sahr* bin *Harb* bin *Umaiyyah* bin 'Abd al-Manāfi, *al-Quraish*. Beliau lahir 5 tahun sebelum Bi'thah menjadi Nabi, memeluk Islām selepas perjanjian *Hudaibiyyah* dan meninggal dunia pada tahun 60 H. (Ibn Hajar, 1853: 6/112 no.8063).

<sup>3</sup> 'Abd al-Rahmān bin Sakhr, *Abū Hurairah*. Beliau bersama dengan Rasūlullāh selama tiga tahun, meriwayat hadith sebanyak 5374 hadith dan meninggal dunia pada tahun 59 H. (al-Dhahabī, 1985: 2/578- 654 no.126).

<sup>4</sup> Hadith ini Abū 'Isā berkata hadith *Gharib* (*Da'iif*) (al-Tirmidzi, 1987: 4/ 292). Adapun *al-Albāñi* menghukumkan hadith ini adalah hadith hasan (*al-Albāñi*, 2000: 3/53 no.2641).

<sup>5</sup> Di antara ayat-ayat yang menunjukan "I'budū Allāh" ialah: *al-Baqarah*: 21, *al-Nisā'*: 36, *al-Mā'idah*: 72, 117, *al-A'rāf*: 59, 65, 73, 85, *Hud*: 50, 61, 84, *al-Nahl*: 36, *al-Haj*: 77, *al-Mu'min*: 23, 32, *al-Naml*: 45, *al-Ankabūt*: 16, 36.

iaitu ayat *makkīyyah*<sup>1</sup> dan surah-surah berkenaan dalam *al-Qur'an* banyak membicarakan akidah. Akidah yang dipegang oleh Rasūlullāh bersumberkan wahu (*al-Qur'an* dan *al-Hadīth*). Allāh berfirman dalam *al-Qur'an*:

أَمْنَ الرَّسُولُ بِمَا أَنْزَلَ إِلَيْهِ مِنْ رِبَّهُ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّ أَمْنٍ  
بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُلُّبِهِ وَرُسُلِهِ لَا فَرَقَ بَيْنَ أَحَدٍ مِنْ رُسُلِهِ

...

Maksudnya: Rasūl Allāh telah beriman kepada hal yang diturunkan kepadanya dari Tuhan-Nya dan juga orang-orang yang beriman: semuanya beriman kepada Allāh, Malāikat-Nya, Kitab-kitab-Nya, Rasūl-Rasūl-Nya(mereka berkata), kami tidak membezakan di antara seorang dengan yang lain dari Rasūl-Rasūl-Nya ... (*al-Baqarah*: 285).

'Umar Ibn al-Khattāb<sup>2</sup> menceritakan tentang pengakuan Rasūlullāh dalam hadīth yang panjang antara lain berbunyi:

( قَالَ فَأَخْبَرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ . قَالَ أُنْ تُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُلُّبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنُ بِالْقَدْرِ خَيْرِهِ وَشَرِهِ )

Maksudnya: Berkata *Jibrīl*: Cerita kepada aku tentang imān. Nabi bersabda bahawa kamu beriman kepada Allāh, para Malāikat-Nya, Kitab-kitab-Nya, Rasūl-Rasūl-Nya, hari Akhirat, *Qadā* baik dan jahat (*Muslim*, 1995: 1/46 no. 8).

Rukun imān yang disebut dalam *al-Qur'an* dan *al-Hadīth* adalah sebagai asas dalam hidup masyarakat.

<sup>1</sup> Ayat-ayat yang turun di Makkah dan kawasa berhampiran dengannya seperti *Tāif* dan lain-lain semasa Rasūlullāh berada di Makkah sebelum hijrah kepada al-Madīnah (*al-Sayutiyyah*, 1987: 1/25).

<sup>2</sup> 'Umar Ibn al-Khattāb bin Nufīl bin 'Abd al-'Uzā bin Riyah, Abū Hafṣah. Beliau lahir 30 tahun sebelum Bi'thah menjadi Nabi dan meninggalkan dunia pada tahun 23H. (*Ibn Hajar*, 1853: 4/279, no.5731).

## 2. Mengikut manhaj ahlus Sunnah wal Jamaah

Para ulamā' memberi pengertian *ahlus Sunnah wa al-Jamā'ah*, antaranya: Ibn Hazm<sup>3</sup> memberi pejelasan dengan berkata “*ahl al-Sunnah*

وَأَهْلُ السَّنَةِ الَّذِينَ ذُكِرُوهُمْ أَهْلُ الْحَقِّ وَمِنْ عَادِهِمْ فَأَهْلُ الْبَدْعَةِ فَإِنَّهُمْ الصَّحَابَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَكُلُّ مَنْ سَلَكَ نَهَجَّمُهُ مِنْ خَيْرِ التَّابِعِينَ ثُمَّ أَصْحَابُ الْحَدِيثِ وَمِنْ اتَّبَعِهِمْ مِنَ الْفَقِيهَاءِ جَبَلًا فَجَبَلًا إِلَى يَوْمِنَا هَذَا أَوْ مِنْ اقْتَدَى بِهِمْ مِنَ الْعَوَامِ فِي شَرْقِ الْأَرْضِ وَغَربِهَا

Ertinya: *Ahl al-Sunnah* ialah golongan yang mengaku dirinya sebagai *ahl al-Haq*, dan sesiapa yang lain daripada mereka itu adalah golongan *ahl Bid'ah*, dan mereka itu(*Ahlus Sunnah*) ialah para sahābah dan mereka yang berada di jalan sahābah iaitu *tābi'i* dan *ahl al-Hadīth* dan orang yang bersetirai dengan mereka dari pada *al-Fuqahā'* dan generasi yang datang selepas mereka itu sehingga ke hari ini. Seterusnya mereka yang mengikut mererka itu dari *jamā'ah* kebelakangan dari timur dan barat (Ibn Hazm, 1996: 2/113).

Ibn Jauziy<sup>4</sup> memberi pengertian “*Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*” ialah mereka yang melakukan tiap-tiap perkara mengikut sunnah nabi dan para sahābah mereka tidak melakukan perkara-perkara *bid'ah*. Namun perkara *bid'ah* akan timbul selepas zaman nabi dan zaman sahābah (Ibn Jauziy, 1994: 17).

Ibn Taymiyyah menghuraikan tentang *ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* katanya:

<sup>3</sup> 'Alī bin Ahmad bin Sa'īd bin Hazm, terkenal dengan Ibn Hazm, lahir pada tahun 384H. di Qurtubah dan meninggal dunia pada tahun 456 H.di Andalus (*al-Zirik kelī*, 2002: 6/264).

<sup>4</sup> 'Abd al-Rahmān bin 'Alī bin Muhammad al-Jauzi lahir pada tahun 508H. dan meninggal dunia pada tahun 597H. di Baghdād. Beliau adalah dari keturunan Quraisy (*al-Zirikkelī*, 2002: 3/321).

فَلَفْظُ أَهْلِ السَّنَةِ يَرَادُ بِهِ مِنْ أَثْبَتِ خَلْفَةِ الْخَلَافَةِ فَيُدْخِلُ فِي ذَلِكَ جَمِيعَ الطَّوَافِ إِلَّا الرَّاضِفَةُ وَقَدْ يَرَادُ بِهِ أَهْلُ الْحَدِيثِ وَالسَّنَةِ الْمُحْضَةِ فَلَا يَدْخُلُ فِيهِ إِلَّا مَنْ يَبْثِتُ الصَّفَاتَ لِلَّهِ تَعَالَى وَيَقُولُ إِنَّ الْقُرْآنَ غَيْرَ مُخْلُقٍ وَإِنَّ اللَّهَ يَرِي فِي الْآخِرَةِ وَيَبْثِتُ الْقَرْنَ وَغَيْرَ ذَلِكَ مِنَ الْأَصْوَلِ الْمُعْرُوفَةِ عِنْ أَهْلِ الْحَدِيثِ وَالسَّنَةِ

Ertinya: Perkataan *ahl al-Sunnah* maksudnya mereka yang mengingatkan *Khilāfa* yang tiga (Abū Bakr, ‘Umar dan Uthmān) termasuk golongan *ahl al-Sunnah* kecuali *al-Rāfidah*. Kadang kala termaksud dengan *ahl al-Sunnah* juga mereka yang menitihbatkan sifat-sifat bagi Allāh, dan berkata *al-Qur’ān* bukan makhluk, dan sesungguhnya dapat melihat Allāh di hari akhirat, *ithbat Qadā* dan *Qadar* dan lain-lain berkaitan dengan usūl *al-Ma’rifah* di sisi ahli *al-Hadīth* dan *al-Sunnah* (Ibn Taymiyyah, 1406H: 2/104).

Dari takrif-takrif di atas dapat difahami bahawa “*ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*” ialah mereka yang mengikut jejak langkah Nabi dan berpegang teguh dengan sunnahnya terdiri daripada para sahābah dan mereka yang berjalan di atas jalannya hingga hari kiamat.

al-Safāyīniy<sup>1</sup> berkata “*Ahl al-Sunnah wa Jamā‘ah* ada tiga golongan. Pertama: golongan *al-Athariyyah*, golongan ini diketuai oleh imām Ahmad bin Hanbal. Kedua golongan *al-Asyā‘iriyah*, golongan ini diketuai oleh Abū al-Hasan al-Asy‘ariy. Ketiga golongan *al-Māturidiyah*, golongan ini diketuai oleh Abū Mansūr al-Māturīdiy (al-Safāyīniy, 1991: 1/73).

al-Baghdadiy<sup>2</sup> berkata: al-Asyā‘irah ini adalah dari ahli *al-Sunnah*

*wa Jamā‘ah* iaitu golongan yang ketujuh puluh tiga ialah *al-Sunnah wa Jamā‘ah* mereka semua bersepakat mengatakan keasaan pencipta, sifat-sifatNya, keadilanNya, hikmatNya dan bersepakat dalam persoalan nama-namaNya dan sifat-sifatNya begitu juga dalam persoalan nubuwah dan imamah dan hukumam manusia di hari akhirat dan dalam semua persoalan usuluddin. (al-Baghdādiy, 2000: 27).

Dan al-Zubaydiy menyatakan “Di kira *Ahlu Sunnah wal Jamā‘ah* dari kalangan *al-Asyā‘irah* dan *al-Māturidiyah* (al-Zubaydiy, t.t.: 2/6).

Berdasarkan pembentangan di atas ternyata bahawa *Ahlu Sunnah wal Jamā‘ah* itu ialah ahli *al-Hadīth*, *al-Asyā‘irah* dan *al-Māturidiyah*. *Ahlu Sunnah wal al-Jamā‘ah* mengikut *al-Safāyīniy* dan *al-Baghdadiy* ada tiga golongan ialah golongan *al-Athariyyah*, *al-Asyā‘irah* dan *al-Māturidiyyah*. Berkaitan dengan sifat-sifat *dhātiyyah* dan sifat-sifat *fi ‘liyyah*, *al-Asyā‘irah* dan *al-Māturidiyyah* berlainan cara pennapsirannya yang disabitkan oleh para sahābah dan Tābi‘in.

### 3. Berpandukan al-Qur'an dan al-Hadith

Akidah iaitu himpunan suatu perkara dan pengelolaannya, tidak ada sesuatu yang mendahului akidah pada urusan agama dan tidak ada perkara yang lain menepati maqam tauhīd sebagai menyuci hati dan membersih amalan dalam diri seseorang tentang kelakuan beragama. Akidah yang benar berasaskan kepada ajaran Allāh(al-Qur'an ) dan Nabi(al-Hadith). Malahan asas akidah itu hanya datang dari Nabi dan Rasūl sahaja, iaitu seruan para Rasūl supaya beribādat kepada Allāh (al-Turkiy, 1996: 22-23). Ayat yang dimaksudkan ialah firmān Allāh:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولاً أَنْ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنَبُوا الظَّاغُونَ

<sup>1</sup> *al-Safāyīniy* ialah Abū Ishāq, Ibrāhīm bin Muḥammad, beliau bemazhab *al-Syāfi‘ī*, aliran *al-Ays’arī*, dan meninggal dunia pada tahun 418H. (al-Dhahabī, 1983: 17/353 no. 202).

<sup>2</sup> *al-Baghdadiy* ialah Abū Mansūr, Abd al-Qahir bin Tahir, beliau bemazhab *al-Syāfi‘ī*, aliran *al-Ays’arī*, dan meninggal dunia pada tahun 429H. (al-Dhahabī, 1983: 17/572 no. 377).

Maksudnya: Dan demi sesungguhnya Kami telah mengutus Rasūl pada tiap-tiap umat (untuk menyerukan). Hendaklah kamu menyembah Allāh (sahaja) dan menjauh daripada *Tāghūt*<sup>1</sup> (al-Nahl: 36). Sumber akidah Rasūlullāh adalah berdasarkan *wahyu* daripada Allāh yang dithabitkan dari firmān Allāh dalam *al-Qur'an*:

وَاعْصِمُوا بِخَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَنْقُضُوا

Maksudnya: Dan berpeganglah kamu semua dengan tali Allāh dan janganlah kamu bercerai berai (Āli'īmrān: 103)<sup>2</sup>

Ayat *al-Qur'an* menjadi sumber asas bagi akidah sebagaimana yang disabitkan dalam ayat di bawah.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيبُوا لِلَّهِ وَأَطِيبُوا  
الرَّسُولُ وَأُولَئِكُمْ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَرْ عَنْمَ فِي شَيْءٍ فَرْدُوْهُ  
إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ

Maksudnya: Wahai orang yang beriman *ta'at* oleh kamu akan Allāh dan *ta'at* akan Rasūlullāh dan ketua dari kalangan kamu. Jika ada perselisihan di antara kamu kembalilah kamu kepada Allāh dan Rasūlullāh (al-Nisā': 59). Kembali kepada Allāh dan Rasūlullāh dalam bab akidah (*al-Quran* dan *al-Hadith*) di sebabkan hidup seseorang muslim akan kembali kepada-Nya di

akhirat. Wahyu sebagai sumber yang diikuti oleh Rasūlullāh dalam setiap bidang termasuk bidang akidah tentang sifat-sifat Allāh. Oleh itu Rasūlullāh berkeyakinan bahawa Tuhan yang disembah dengan sebenar ialah Allāh seperti mana yang dijelaskan oleh wahyu. Ini selaras dengan jaminan Allāh dalam firman:

وَكَلَّكَ أُوكِنَّا إِلَيْكَ رُوحًا مِنْ أُمْرِنَا مَا كُنْتَ  
تَنْرِي مَا الْكِتَابُ وَلَا الْإِيمَانُ وَلَكِنْ جَعْلَتَهُ ثُورًا لَهُدِيَ بِهِ  
مَنْ نَشَاءَ مِنْ عِبَادِنَا وَإِنَّكَ لَهُدِي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ  
(52) صِرَاطُ اللَّهِ الَّذِي لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي  
الْأَرْضِ أَلَا إِلَى اللَّهِ تَصِيرُ الْأُمُورُ (53)

Maksudnya: Dan demikianlah Kami wahyukan kepada mu (wahai Muhammad) *al-Qur'an* sebagai *roh* (yang menghidupkan hati) dengan perintah Kami engkau tidak mengetahui (sebelum diwahyukan kepada mu): apakah Kitab (*al-Qur'an*) itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu: akan tetapi Kamijadikan *al-Qur'an* cahaya yang menerangi, Kami beri petunjuk dengannya sesiapa yang Kamikehendaki di antara hamba-hamba Kami dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah memberi petunjuk dengan *al-Qur'an* itu ke jalan yang lurus. Iaitu jalan Allāh yang memiliki dan menguasai segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, ingatlah kepada Allāh jua kembali segala urusan (al-Syūrā: 52-53).

Rasūlullāh juga menegaskan bahawa *al-Qur'an* itu sebaik-baik petunjuk dengan sabdanya:

«أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ خَيْرَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَخَيْرَ  
الْهُدِيَ هُدِيٌ مُحَمَّدٌ، وَشُرُّ الْأُمُورِ مُحَنَّثَهُ، وَكُلُّ بَدْعَةٍ  
ضَلَالٌ»

Maksudnya: Maka sesungguhnya sebaik-baik perkataan itu adalah kitab Allāh (yakni *al-Qur'an*) dan sebaik-baik petunjuk itu ialah pimpinan Muhammad (yakni *al-Sunnah*) dan seburuk-buruk

<sup>1</sup> *Taghut* ialah jalan yang di murka oleh Allāh atau yang menyembunyi kebenaran.

<sup>2</sup> Menurut Ibn Jarīr al-Tabariy, ayat ini adalah suruhan dan perintah dari Allāh supaya berpengang teguh dengan agama-Nya serta segala perjanjian yang telah ditetapkan oleh-Nya dalam *al-Qur'an* dan berkasih sayang serta bersatu di atas kalimah *Haq* dan terserah semua pekerjaan kepada Allāh. Menurutnya lagi dalam ayat tersebut, Allāh juga melarang berpecah belah daripada agama-Nya serta menyalahi perjanjian yang telah ditetapkan dan kasih sayang serta bersatu padu berasaskan ketakutan kepada-Nya dan Rasūl-Nya (Ibn Jarīr al-Tabariy, 2001: 5/643-648).

urusan itu ialah perkara *bid'ah* (yakni perkara yang direka-reka di dalam agama), dan tiap-tiap *bid'ah* itu adalah sesat (Muslim, 1995: 2/4496 no.867).

#### 4. Berpandukan bahasa Arab

Tidak dapat disangkalkan bahawa bahasa Arab adalah bahasa al-Qur'an dan al-Hadith, bahasa pembagunan ummat Islam sebagai generasi pertama yang menjadikan teras kepada kebangkitan Islam dan penghayatan al-Qur'an dan al-Hadith. Rabī'ah bin 'Amr al-Jurasyī<sup>1</sup> berkata bahawa para sahābah mengamalkan mengikut zahir nas dalam berakidah buktinya setelah beliau membaca ayat:

وَمَا قَدْرُوا اللَّهُ حَقُّ قَدْرِهِ وَالْأَرْضُ جَمِيعاً  
فَقَبَضَتْهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَالسَّمَاوَاتُ مَطْوِيَّاتٍ بِيمْنَاهُ سَبَّحَانَهُ  
وَتَعَالَى عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya: Dan datang bumi seluruhnya(pada hari kiamat) dalam gengaman kuasa-Nya, dan langit tergolong dengan kanan-Nya, Maha suciilah Ia dan tertinggi keadaan-Nya dari apa yang mereka bersekutu( al-Zumar: 67).

Beliau berkata "Dan tangan-Nya yang lain, diam kamu, tidak ada sesuatu yang lain lagi (Ibn Jarīr, 1996: 24/ 25). Ucapan Rabī'ah bin 'Amr jelas bahawa manhaj beliau dalam berakidah iaitu mengitbatkan sifat *yad* bagi Allāh secara makna zahir nas bukan dengan makna nikmat dan *qudrat*.

#### 5. Amalan para Sahabah Salaf al-Salih

Para sahābah menerima daripada Nabi secara langsung tentang akidah sama ada dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* dan mereka juga berada dalam masa yang terbaik yang dijamin oleh Rasūlullāh:

<sup>1</sup> Rabī'ah bin 'Amr al-Jurasyī, beliau adalah dari kalangan sahābah meninggal dunia pada tahun 64H. (Ibn Hajar, 1995: 3/85 no.1977).

(خَيْرُكُمْ فَزُنِي تُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ تُمَّ الَّذِينَ يَلُونُهُمْ)

Maksudnya : Sebaik-baik kamu yang berada di kurun ku kemudian mereka yang selepas mereka itu, kemudian mereka yang selepasnya (al-Bukhāryy, 1993: 3/1335 no. 3451).

Maksud dengan ahli kurun dalam hadīth ini ialah mereka yang beriman dengan nabi iaitu sahābahnya (Haris Sulaimān, 2000: 169). Ibn Hajar berkata: "Qarnī" (kurun aku) mereka itu ialah sahābah (Ibn Hajar, 1992: 7/5).

Hadīth ini juga menunjukkan bahawa sahābah itu lebih *afdal* daripada tābi‘īn dan tābi‘īn itu lebih *afdal* daripada tābi‘ al-Tābi‘īn, kurun pertama lebih *afdal* daripada kurun kedua dan kurun kedua lebih *afdal* daripada kurun ketiga (Ibn Taymiyyah, 1995: 13/ 66). Oleh kerana mereka itu tertumpu kepada wahyu (*al-Qur'an al-Karīm*) sebagai cara hidup mereka terutama dalam masalah akidah sifat-sifat Allāh.

Akidah merupakan asas bagi kehidupan para sahābah oleh sebab akidah itu asas bagi agama, Allāh mengutuskan Nabi bertujuan untuk menjelaskan akidah melalui *al-Qur'an*. Dari 'Abdullah bin Mas'ūd<sup>2</sup> berkata:

اتبعوا آثارنا ولا تبتدعوا فقد كفيتُم

Ertinya: Hendaklah kamu ikut *Āthār-Āthār* kami dan jangan kamu mereka-rekakan, sesungguhnya perkara itu sudah mencukupi bagi kamu (al-Dārimiy, 2000: 1/288 no.211).<sup>3</sup>

<sup>2</sup> 'Abdullah bin Mas'ūd bin Ghāfil bin Habib bin Abū 'Abd al-Rahmān. Beliau adalah golongan awal dari sahābah yang memeluk agama Islām dan beliau juga golongan awal dari sahābah yang membaca *al-Qur'an* di Makkah dengan suara yang terang dan meninggal dunia pada tahun 32H. (al-Dhahabiy, 1985: 1/198-200 no.87, Muhammad Husain, t.t.: 83).

<sup>3</sup> Lihat bersama: Ibn Waddāh, 1990: 17, al-Lālakai, 1994: 1/96 no. 104. Adapun riwayat yang lain tidak terdapat kalimah (عَلَيْهِ). Berkata

Dari Ibn Abbās<sup>1</sup> berkata:

عَلَيْكُمْ بِالْإِسْقَامَةِ وَالْأَثَرِ

Ertinya: Hendaklah kamu *beristiqāmah*, dan mengikut *Āthār* (Ibn Waddāh, 1990: 32).

Dengan itu menunjukkan bahawa perjalanan sahābah dalam bidang akidah dengan cara mengikut al-*Āthār* iaitu *al-Qur'ān* dan *al-Hadīth*.

Inilah di antara sejarah yang membuktikan bahawa kedudukan *al-Qur'ān* dan al-Sunnah pada zaman sahābah adalah sangat tinggi *martabatnya* iaitu sebagai sumber asas bagi kehidupan mereka terutama dalam bidang akidah. Umat Islam tetap menganggap *al-Qur'ān* dan al-Sunnah sebagai sumber asas bagi kehidupan mereka terutama dalam bidang akidah.

Sulaymān bin Harb<sup>2</sup>

menjelaskan tentang sifat-sifat Allāh di kalangan para sahābah dan mereka mengitihbatkannya sebagaimana ternyata dalam *nas-nas Athār*.

Golongan al-Salaf serta imām-imām al-Sunnah, bahkan golongan sahābah, Allāh dan Rasūl-Nya serta orang-orang yang beriman (menyatakan bahawa) sesungguhnya Allāh di atas langit, dan sesungguhnya Allāh di atas 'Arasy dan sesungguhnya Allāh mengatasi tujuh petala langit dan Dia turun ke langit dunia, dan hujah mereka terhadap pegangan yang demikian itu adalah berdasarkan *nas-nas Athār*" (al-Dhahabiy, 1991: 146 no.141).

Sehubungan dengan aqidah al-Salaf al-Soleh yang terdiri dari sahābah, tābi‘īn, tābi‘ al-Tābi‘īn dan atbā‘ tābi‘ al-Tābi‘īn pada kurun pertama hingga kurun ketiga, berakidah dengan *al-Qur'ān* terutama ayat-ayat tentang sifat dan hadīth-hadīth sifat Allāh, dengan tidak mentakwilkan, keduanya.

### Kesimpulan

Aqidah yang sahih adalah warisan Nabi dalam pembangunan ummah. Sebagaimana yang dicontohi oleh nabi, para sahabah dan al-Salaf al-Soleh dalam kurun pertama hingga kurun ketiga. Hal-hal ini dapat lihat dengan jelas cara dan bentuknya yang diamalkan oleh nabi berdasarkan wahyu. Akidah adalah taukifi yang tidak boleh dilakukan dengan jalan ijtihad.

<sup>1</sup> *al-'Uthaymīn Āthar ini adalah Āthar yang sahīh (al-'Uthaymīn, 1995: 41).*

<sup>1</sup> *'Abdullāh bin 'Abbās bin 'Abd al-Muttalib bin Hāsyim bin 'Abd al-Manāf, al-Quraisy. Beliau adalah dari kalangan asghār sahābah, meriwayat hadīth sebanyak 1660 hadīth dan meninggal dunia pada tahun 68 H. di Tāif (al-Dhahabiy, 1983: 3/331 no.51, Muhammad Husain, t.t.: 65).*

<sup>2</sup> *Sulaymān bin Harb bin Bajīl al-Azdiy al-Wāsyihiy, Abū Ayūb al-Basriy. Beliau lahir pada tahun 140 H. meninggal dunia pada tahun 224 H. (Ibn Hajar, 1995: 3/465, no. 2621).*

## Bibliografi Dan Rujukan

- al-Albānī, Muhammad Nāsir al-Dīn. (2000). *Sahīh Sunan al-Tirmizi*, al-Riyā,: Maktabah al-Ma‘ārif.
- al-Baghdādiy, ‘Abd al-Qāhir bin Tāhir bin Muhammad. (2003). *al-Farq Bain al-Firaq*, Bairūt: Dār Ma‘rifah.
- al-Bukhāri, Muhammad bin Ismā‘īl. (1993). *Sahih al-Bukhāriy*, Bayrūt: Dār Ibn Kathīr.
- al-Dārimi, ‘AbdulLāh bin ‘Abd al-Rahmān. (2000). *Sunan al-Dārimiy*, al-Riyā,: Dār al-Mughini.
- al-Dhahabiy, Muhammad bin Ahmad bin Uthmān. (1985). *al-‘Ibar fī Khabar Man Ghabar*, Bairūt: Dār al-Kutub al-‘Almiyah .
- \_\_\_\_\_. (1983). *Sīr A‘lām al-Nubalā’*, Bayrūt: Mu’asasah al- Risālah.
- Ibn Hajar, Ahmad bin Alī bin Hajar al-‘Asqallāniy. (1995). *Tahdhīb al-Tahdhīb*, Bayrūt: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Jauzi, ‘Abd al-Rahmān bin ‘Alī bin Muhammad. (1994). *Zād al-Masīr*, Beirut: al-Maktab Islāmiy.
- Ibn Hazm, ‘Alī bin Ahmad. (1996). *al- Fasl fī al-Milal wa al- Ahwā’ wa al- Nahl*, Bayrūt Dār al-Jīl.
- Ibn Jarīr al-Tabari. (1996). *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta‘wīl al-Qur‘ān*, al- Qāhirah: Hajat Ibn Waddah, Muhammad. (1990). *al-Bid‘ wa al-Nahy ‘Anha*, al-Qāhirah: Dār al-Safā.
- al-Lālakā‘ī, HibbahLāh bin al-Hasan bin Mansūr. (1994). *Syarh Usul I’tiqād ahl al- Sunnah wa al-Jamā‘ah*, al-Riyād: Dār Toyyibah.
- Muhammad Husain. (t.t.). *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-Hadithah.
- Muslim bin al-Hajjāj. (1995). *Saḥīḥ Muslim Syarḥ al-Nawawī*, Bayrūt: Dār Ma‘rifah.
- al-Safārīni, Muhammad bin Ahmad. (1991). *Lawāmi‘al-Anwār al-Bahiyyah*, Bayrūt: al-Maktab al-Islāmiy.
- al-Sayūtiy, ‘Abd al-Rahmān. (1987). *Itqān fī ‘Ulūm al-Qur‘ān*, Bayrūt: Dār Ibn Kathīr.
- al-Tirmīzi, Muhammad bin Isā. (1987). *al- Jawāmi‘ al- Saḥīh*, Bayrūt: Dār al-Kutub al- Alamiyyah.
- al-‘Uthaymīn, Muhammad bin Soleh. (1995). *Syarh Lum‘ah al-I’tiqād*, al-Riyā,: Maktabah Tabariyyah.
- al-Zirikliy, Khair al-Dīn. (2002). *al-A‘lām*, Bayrūt: Dār al-Ilm lil- Malāyīn.
- Al-Zubaydī, Muhammad bin Muhammad. (t.t.). *Ithāf al-Sādah al-Mutaqīn*, Bayrūt: Dār al-Fikr.